

PENGANJURAN Kismas ini diadakan tepat pada masanya ketika ekonomi dunia mula menampakkan tanda-tanda kembali pulih. Harapan saya agar universiti-universiti tempatan diberi peluang terlibat secara langsung dalam memacu industri sukan negara seperti mengadakan penyelidikan, kerjasama dan pemindahan kepakaran bersama penggiat industri sukan.

NUR EKMAL BUHARY
Pengerusi JK Promosi dan Penajaan MASUM



DALAM kita mengejar untuk menjadikan sukan sebagai industri, mereka yang bakal mengaut keuntungan daripada pelaksanaannya itu nanti diharap tidak lupa akan tanggungjawab sosial mereka kepada pembangunan atlet dan sukan negara. Ini antara



hasil yang diperoleh menerusi Kismas sekali gus berjaya membuka mata supaya penggiat industri sukan tidak boleh mementingkan keuntungan semata-mata.

SHEIKH KAMARUDDIN SHEIKH AHMAD
Pensyarah Pengajian Sukan UPM

KISMAS merupakan satu benda baru yang sepatutnya digerakkan selepas kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Apa pun masih belum terlewat untuk melaksanakannya kerana banyak idea yang dilontarkan berjaya membuka minda penggiat industri sukan di negara ini. Banyak benda yang kita tidak tahu sebelum ini berjaya diperoleh di Kismas yang ternyata amat berbeza berbanding konvensyen-konvensyen yang pernah diadakan terdahulu.

MUHAMMED IBRAHIM
Penasihat Perniagaan The Bakery Moments



SATU usaha KBS yang boleh dianggap bergerak satu langkah lagi ke hadapan. Ia menunjukkan kematangan kerajaan sekarang dalam menerima dan menilai pandangan penggiat sukan di negara ini. Ia langkah yang saya sendiri sebagai salah seorang daripada penggiat industri sukan di negara ini menyanjung tinggi usaha kerajaan ini. Namun saya berpandangan KBS tidak boleh bersendirian dalam usaha merealisasikan impian ini sebaliknya perlu bergabung dengan kementerian lain seperti misalnya pelancongan serta perdagangan antarabangsa dan industri untuk memastikan kejayaannya.



JEFFRI ZAIHAM JAMALUDDIN
Pengaruh. Projek. S.F.R. Consultants Sdn. Bhd.

KUALA LUMPUR – Malaysia perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan sukan secara komersial jika mahu mendapat keuntungan besar daripadanya.

Pakar dari Institut Sukan Australia (AIS), Steve Jones berkata, untuk tujuan itu, kemudahan sukan yang ada perlu dibuka kepada sesiapa sahaja atas apa-apa tujuan sekalipun.

"AIS menjana pendapatan melalui aktiviti komersial menerusi penjualan barangan sukan, penganjuran majlis, kemu-

dahan penginapan dan aktiviti lawatan. "Di samping itu, kami mengamalkan dasar pintu terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak untuk menggunakannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Mengurus Secara Komersial dan Penyelenggaraan Kemudahan Sukan di Konvensyen Industri Sukan Malaysia di sini, semalam.

Menurutnya, pelbagai industri sukan yang mempunyai pasaran bernilai jutaan

ringgit masih menunggu untuk diteroka. Beliau berkata, AIS misalnya telah mempelbagaikan penglibatannya dalam industri sukan tidak terhad kepada perniagaan sukan tradisi semata-mata.

"AIS mempunyai talian perniagaan sendiri berkaitan industri sukan seperti perjalanan untuk pelancong, kedai peralatan, kafe, catering, penginapan, program percutian dan pusat jagaan kanak-kanak yang menjana pendapatan kepada institut ini," tegasnya.

KBS tubuh unit industri kumpul maklumat

KUALA LUMPUR – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menubuhkan Unit Industri Sukan untuk mengumpul semua maklumat mengenai industri sukan di negara ini untuk membolehkan mereka mengeluarkan direktori sukan yang mengandungi maklumat terperinci mengenai sektor tersebut.

Ketua Pengarah Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Dr. Ramlan Abdul Aziz berkata, unit yang akan diterajui oleh Ketua Setiausaha KBS, Datuk Mohd. Yasin Mohd. Salleh terlebih dahulu akan mengumpul data berkaitan industri itu daripada kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan.

"Selepas itu, unit tersebut akan mengumpul data daripada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dengan industri sukan negara," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Ramlan berkata, antara kementerian yang mempunyai data mengenai industri sukan negara ialah Kementerian Pelancongan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Industri sukan termasuk sukan pelancongan, nilai import dan eksport barangan sukan dan data-data ini boleh diperolehi di kedua-dua kementerian itu," katanya.



RAMLAN ABDUL AZIZ

Lapan rumusan Kismas 2009

- Sesi pertama oleh Pengurus Besar Sukan Prestasi Tinggi New Zealand (SPARC), Martin Toomey telah mengetengah dan memperincikan peranan dan tanggungjawab badan korporat dalam menyokong usaha kerajaan. Beliau telah menyentuh teras utama kejayaan program sukan ialah pelaburan berbanding bantuan kerajaan. Paling penting jalinan strategik antara sektor korporat dan kerajaan selain tanggungjawab kerajaan untuk mewujudkan sebuah asas kukuh pada peringkat awal supaya satu sistem bersepadu sukan dapat dihasilkan. Melalui usaha tersebut, kita mampu menjadi sebuah negara sukan dan mengecapi kejayaan yang berpanjangan.
- Sesi kedua oleh pakar Akademi Sukan Amerika Syarikat, Dr. T.J. Rosandich telah berkongsi pengalaman beliau melahirkan lebih ramai profesional industri sukan dalam skil berbeza menerusi model pendidikan yang berkesan. Antaranya seperti jurulatih, saintis sukan, pakar teknologi sukan dan pentadbir sukan.
- Sesi ketiga oleh Pengarah Urusan Universal Fitness & Leisure Sdn. Bhd (UFL), Datuk Radha Krishnan dan Pengerusi Kelab Sukan SportsUnite, Datuk Dina Rizal memperkatakan tentang senario kebanyakan pengeluaran produk sukan di Malaysia perlu bergantung kepada kerajaan dan tidak meletakkan diri mereka sebagai penggiat industri sukan global kerana terpaksa bersaing dengan ancaman jenama antarabangsa yang sudah pun terkenal di seluruh dunia.
- Sesi keempat oleh dua pensyarah sains sukan tempatan, Dr. Khairi Zawi (UiTM) dan Dr. John George (UM) pula telah menyentuh mengenai peluang mengembangkan kerja-kerja penyelidikan dalam bidang perubatan dan sains sukan dengan swasta di mana ia boleh dilakukan dengan cara yang lebih murah tetapi menghasilkan kualiti yang sama. Menyedari akan potensi besar bidang sains, teknologi dan perubatan sukan yang sudah lama diterokai dan dikuasai negara luar, kerajaan telah pun menyediakan geran bagi tujuan itu.
- Sesi kelima oleh wakil ESPN StarSports, Adam Zecha berkongsi strategi media penyiaran dalam menjalinkan perkongsian bijak dengan syarikat korporat untuk menaja sesuatu program atau acara sukan kelas dunia yang mampu menghasilkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak.
- Sesi keenam oleh pakar dari Institut Sukan Australia, Steve Jones menjelaskan bagaimana pihaknya menjana pendapatan melalui aktiviti komersial menerusi penjualan barangan sukan, penganjuran majlis, menawarkan kemudahan penginapan dan aktiviti lawatan. Dalam usaha melahirkan rakyat yang bergiat cergas dalam sukan, institut itu mengamalkan polisi pintu terbuka di mana sesiapa sahaja layak menggunakan kemudahan yang disediakan mereka.
- Sesi ketujuh oleh Konsultan Sime Darby, Ted Meekma telah berkongsi pengalaman beliau membantu syarikat pengurusan sukan terkemuka dunia, IMG yang bertanggungjawab membentuk bintang sukan sehingga menjadi seorang jutawan melalui aktiviti penajaan dan sokongan. Beliau percaya program di peringkat akar umbi adalah tunjang kepada melahirkan atlet kelas dunia. Wakil SportExcel, Tunku Tan Sri Imran Tuanku Jaafar pula menekankan pentingnya setiap individu yang terlibat dalam sukan mempunyai ketabahan tinggi. Pulangan tidak harus semata-mata diukur dari segi wang ringgit tetapi juga kepuasan peribadi dan lebih utama adalah sumbangan kepada perkembangan sukan negara.
- Sesi kelapan oleh wakil syarikat pemasaran Carbon Worldwide, Keld Kristiansen dan penganjur Piala Monsun, Datuk Peter Gillmore masing-masing sependapat bahawa kerjasama erat antara kerajaan, syarikat swasta tempatan dan global serta media adalah kunci kepada kejayaan sesuatu perancangan dan pelaksanaan dalam menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa.